Terma dan Syarat penggunaan HLB Connect

Berikut ialah terma dan syarat yang ditetapkan oleh Hong Leong Bank Berhad ("**HLB**") / Hong Leong Islamic Bank Berhad ("**HLISB**") bagi menyediakan kemudahan dan/atau perkhidmatan perbankan internet/elektronik kepada anda mengikut apa-apa nama yang ditentukan dan pada masa ini dikenali sebagai HLB Connect (ditakrifkan dalam Seksyen 1.0 di bawah) ("**Terma dan Syarat**").

Sila baca dan fahami Terma dan Syarat ini. Jika anda telah berjaya mendaftar dengan HLB Connect, penggunaan dan penggunaan secara berterusan HLB Connect oleh anda menandakan pengakuan dan persetujuan terhadap Terma dan Syarat ini serta mana-mana tambahan atau pindaan yang mungkin dibuat oleh HLB /HLISB dari semasa ke semasa. Jika anda tidak menerima mana-mana atau semua Terma dan Syarat ini, anda boleh dengan segera menghentikan semua akses HLB Connect. Semua soalan yang anda mungkin ada tentang Terma dan Syarat ini hendaklah ditujukan terus kepada HLB/HLISB mengikut cara yang dinyatakan dalam Klausa 21.2 di sini.

Terma dan Syarat ini juga hendaklah dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Laman Web HLB / HLISB (ditakrifkan dalam Seksyen 1.0 di bawah) ("**Syarat-syarat Akses**"). Terma dan Syarat ini hendaklah mengatasi setakat mana sebarang konflik dan percanggahan antara Terma dan Syarat ini dan Syarat-syarat Akses.

1.0 Definisi dan Interpretasi

1.1 Definisi

Terma dan penyataan berikut membawa maksud yang ditentukan melainkan konteksnya memerlukan maksud yang lain: -

Terma / Penyataan	Maksud
"Dasar ABC"	Dasar Anti Rasuah dan Sogokan HLBG yang disediakan di Laman Web HLB atau HLISB.
"Akaun"	Akaun atau akaun-akaun perbankan (termasuk kad kredit, akaun pinjaman/pembiayaan dan akaun pelaburan) yang anda miliki atau mungkin miliki dengan HLB / HLISB yang boleh diakses melalui HLB Connect pada bila-bila masa.
"Undang-undang Anti Rasuah"	Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 seperti yang dipinda dari semasa ke semasa dan undang-undang serta peraturan yang dikeluarkan oleh akta ini dan mana-mana undang-undang, statut, peraturan, perintah dan arahan yang berkait dengan rasuah atau sogokan.
"Pihak Berkuasa yang Wajar"	Mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau percukaian.
"ATM"	Mesin Juruwang Automatik yang dipasang oleh HLB / HLISB atau mana-mana anggota Rangkaian Perkongsian ATM

"Pengesahan Biometrik"	Pengesahan menggunakan Data Biometrik sebagai cara untuk mengakses HLB Connect menerusi Peranti Mudah Alih.
"Data Biometrik"	Mana-mana ciri atau sifat biologi unik yang mengesahkan identiti anda seperti cap jari atau pengenalan wajah anda yang disimpan pada Peranti Mudah Alih anda.
"Hari Perniagaan"	Hari di mana HLB / HLISB dibuka untuk perniagaan di Kuala Lumpur, Malaysia.
"PIN Kad"	Nombor pengenalan peribadi 6 digit yang dipilih oleh anda untuk Kad Debit/Kad Kredit yang dikeluarkan kepada anda bawah Akaun anda. Nombor ini diperlukan apabila anda melaksanakan sebarang transaksi perbankan di ATM, atau bagi Kad Kredit, apabila pengesahan PIN diperlukan untuk transaksi Kad Kredit pada terminal titik jualan (POS) dan pengeluaran pendahuluan tunai di ATM.
"CASA"	Akaun semasa atau simpanan HLB atau akaun semasa-i atau akaun simpanan-i HLISB
"Pengeluaran Connect ATM" (dahulunya dikenali sebagai pengeluaran tanpa kad)	Transaksi melalui HLB Connect yang membolehkan anda mengeluarkan wang tunai daripada Akaun pilihan anda melalui terminal ATM HLB / HLISB tanpa menggunakan Kad Debit anda.
"Kod Pengeluaran Connect ATM"	Nombor enam digit dihantar ke nombor telefon mudah alih anda yang berdaftar dengan HLB / HLISB selepas setiap kali berjaya membuat permintaan transaksi Pengeluaran Connect ATM melalui HLB Connect. Kod ini memberi kebenaran kepada anda untuk mengakses mana-mana terminal ATM HLB / HLISB untuk transaksi Pengeluaran Connect ATM.
"Kad Kredit"	Kad kredit yang dikeluarkan oleh HLB kepada anda dari semasa ke semasa.
"Pelanggan" atau "anda"	Orang yang memiliki Akaun dengan HLB / HLISB dan/atau wakilnya yang diberi kuasa.
"Kad Debit"	Kad debit VISA/MasterCard yang diberikan kepada anda oleh HLB / HLISB yang membolehkan anda melaksanakan transaksi perbankan di mana-mana terminal ATM dan membuat pembelian runcit dalam talian/luar talian secara debit terus.
"DuitNow"	Perkhidmatan yang diuruskan oleh PayNet yang membolehkan Pelanggan memulakan dan menerima pemindahan kredit segera dengan menggunakan nombor akaun atau ID DuitNow penerima.
"ID DuitNow"	Pengenalan berdaftar milik pemegang akaun seperti nombor telefon mudah, Nombor Kad Pengenalan, nombor tentera atau nombor polis, atau bagi bukan warganegara Malaysia, nombor pasport (untuk individu) atau bagi bukan individu, nombor

pendaftaran perniagaan anda atau mana-mana pengenalan biasa lain yang mungkin diperkenalkan oleh PayNet dari semasa ke semasa.

"HLB Connect" Kemudahan dan/atau perkhidmatan perbankan internet/elektronik yang disediakan oleh HLB / HLISB mengikut apa-apa nama yang ditentukan, untuk anda melakukan Perkhidmatan melalui internet dengan cara elektronik melalui penggunaan terminal komputer peribadi atau peranti elektronik lain (termasuk Peranti Mudah Alih) yang anda boleh mengakses dengan memasukkan Kelayakan Log Masuk anda yang betul.

Bagi tujuan Terma dan Syarat ini, rujukan kepada HLB Connect hendaklah bermaksud dan termasuk rujukan kepada yang berikut menurut konteks yang diperlukan:

a) **Perbankan Dalam Talian HLB Connect**, yang boleh diakses oleh anda melalui internet menggunakan komputer peribadi atau peranti elektronik lain (termasuk Peranti Mudah Alih); dan
b) **Aplikasi HLB Connect**, aplikasi mudah alih yang hanya boleh diakses dengan menggunakan Peranti Mudah Alih anda.

"HLB" Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) dan termasuk semua pengganti hak milik serta yang diserah hak.

"Dasar Pemberian Maklumat HLB/HLISB" Dasar Pemberian Maklumat HLB / HLISB atau dasar dan/atau prosedur lain mengikut apa sahaja nama yang dipanggil berhubung dengan pemberian maklumat yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa, menetapkan komitmen HLB / HLISB terhadap etika dan integriti perniagaan yang baik, dan menurut dasar ini para pekerja HLB dan HLISB serta orang-orang yang menyediakan perkhidmatan atau mempunyai hubungan perniagaan dengan HLB / HLISB dikehendaki menyuarakan kebimbangan tentang sebarang tingkah laku yang tidak wajar atau tindakan yang salah yang boleh mendatangkan kesan buruk terhadap HLB / HLISB, termasuk dan tidak terhad kepada:

(a) sebarang kesalahan jenayah, termasuk penipuan, rasuah, sogokan dan peras ugut;
(b) sebarang kegagalan untuk mematuhi kewajipan undang-undang atau kawal selia; dan
(c) sebarang kebimbangan tentang penyelewengan.

"HLBG" HLB dan/atau subsidiarinya.

"HLISB" Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) dan termasuk semua pengganti hak milik serta yang diserah hak.

"Arahan" Sebarang permintaan, permohonan, kebenaran atau arahan yang anda berikan kepada HLB / HLISB, berhubung dengan Akaun atau

	sebarang Perkhidmatan lain yang dimulakan melalui Kod Keselamatan yang berkaitan.
"Kelayakan Log Masuk"	Nama Pengguna, kata laluan, Soalan Keselamatan dan Pengesahan Biometrik
"Malware"	Virus, pepijat atau perisian, kod, ejen, program atau makro komputer lain yang berniat jahat, merosakkan atau menggagalkan komputer, dan/atau phishing atau rancangan kejuruteraan sosial yang menggunakan perisian komputer atau telekomunikasi untuk mendapatkan data peribadi atau maklumat peribadi lain untuk tujuan berniat jahat atau penipuan.
"Peranti Mudah Alih"	Sebarang peranti elektronik atau telekomunikasi mudah alih, termasuk dan tidak terhad kepada telefon mudah alih, telefon pintar atau tablet yang boleh digunakan untuk mengakses HLB Connect.
"National Addressing Database" atau "NAD"	Pusat menangani depositori yang ditubuhkan oleh PayNet yang menghubungkan akaun bank kepada ID DuitNow penerima dan memudahkan pembayaran dibuat dengan merujuk kepada ID DuitNow penerima.
"Pindahan Akaun Sendiri"	Pindahan dana antara Akaun-akaun anda.
"Kata laluan"	Senarai abjad angka dan aksara istimewa yang anda cipta semasa pendaftaran kali pertama atau semasa anda set semula HLB Connect selepas anda terlupa Nama Pengguna/Kata Laluan anda yang diperlukan untuk mengakses HLB Connect.
"PayNet"	Payments Network Malaysia Sdn Bhd (No. Syarikat 200801035403 (836743-D), rangkaian pembayaran dan infrastruktur pusat yang dikongsi bersama untuk pasaran kewangan Malaysia.
"Notis Privasi"	Dasar dan prinsip HLB/HLISB yang berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan dan penyimpanan maklumat peribadi individu dan entiti yang sedia ada dan yang berpotensi yang berurusan dengan HLB / HLISB. Dasar dan prinsip ini boleh dipinda dari semasa ke semasa dan disediakan di Laman Web HLB dan juga HLISB.
"Kod Keselamatan"	Kelayakan keselamatan yang digunakan untuk mengenal pasti anda apabila anda mengakses dan menggunakan Connect. Ia terdiri daripada Kata Laluan, Nama Pengguna, Pin Kad, TAC, Kod Pengeluaran Connect ATM, ID Sementara, Soalan Keselamatan, Pengesahan Biometrik Connect dan termasuk apa-apa kod keselamatan lain yang dikeluarkan/dilaksanakan oleh HLB / HLISB dari semasa ke semasa.
"Gambar Keselamatan"	Imej yang anda pilih semasa mendaftar HLB Connect atau semasa anda set semula HLB Connect. Imej ini dipaparkan kepada anda sebagai langkah keselamatan anti-phishing bagi memastikan anda mendaftar masuk ke portal atau aplikasi mudah alih Connect yang asli.

"Soalan Keselamatan"	Satu soalan (yang memerlukan jawapan) yang akan ditanya kepada anda sebagai pengesahan akaun tahap tambahan apabila sistem mengesan transaksi luar biasa melalui HLB Connect. Soalan dan jawapan keselamatan telah anda tetapkan semasa mendaftar untuk HLB Connect atau semasa anda set semua HLB Connect.
"Perkhidmatan"	Produk dan/atau perkhidmatan perbankan yang disediakan kepada Pelanggan oleh HLB / HLISB melalui HLB Connect, termasuk dan tidak terhad kepada arahan kepada HLB / HLISB, pembayaran bil dan pemindahan dana.
"Rangkaian Perkongsian ATM (SAN)"	Bank dan institusi kewangan yang menyertai Rangkaian Perkongsian ATM yang diuruskan oleh PayNet.
"TAC"	Kod enam digit unik satu kali yang perlu dimasukkan untuk mengesahkan transaksi tertentu yang dilaksanakan melalui HLB Connect. Kod ini akan dihantar ke nombor mudah alih anda yang didaftarkan dengan HLB / HLISB.
"Cukai"	Sebarang cukai, levi, impos, duti, caj, yuran, tolakan atau penangguhan dalam sebarang bentuk, Malaysia atau asing, pada masa sekarang atau akan datang, secara langsung atau tidak langsung, yang dikenakan oleh mana-mana Pihak Berkuasa yang Wajar, termasuk tanpa had, sebarang cukai-cukai lain atas apa sahaja nama, dan sebarang faedah, denda atau penalti yang berkenaan dengannya.
"ID Sementara"	Senarai aksara huruf dan angka yang diberikan kepada anda oleh HLB / HLISB dan diperlukan untuk pendaftaran HLB Connect atau set semula akses HLB Connect anda. Kaedah ini digunakan untuk mengakses HLB Connect menggunakan akaun pinjaman, Deposit Tetap atau CASA tanpa Kad Debit/Kad Kredit.
"Nama pengguna"	Nama yang dipilih atau dicipta oleh anda yang terdiri daripada aksara huruf dan angka semasa mendaftar untuk Connect atau set semula akses HLB Connect anda yang diperlukan oleh HLB / HLISB untuk mengenal pasti Kelayakan Log Masuk anda sebelum membenarkan akses HLB Connect.
"Laman web"	a) bagi HLB : www.hlb.com.my b) bagi HLISB : www.hlisb.com.my

1.2 Interpretasi

(a) Perkataan yang menunjukkan mufrad hendaklah termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

(b) Perkataan yang menunjukkan jantina maskulin hendaklah termasuk feminin dan jantina neutral dan begitu juga sebaliknya.

2.0 Peralatan, Perisian dan Kesalinghubungan

2.1 Anda bertanggungjawab sepenuhnya:

(a) untuk memastikan terminal komputer, Peranti Mudah Alih atau peranti elektronik yang lain dan perisian dan perkakasan yang berkaitan yang digunakan untuk mengakses HLB Connect memenuhi spesifikasi dan konfigurasi yang diperlukan sebagaimana yang ditentukan pada Laman Web HLB / HLISB, Apple App Store, Google Play Store dan Hua Wei App Gallery; dan

(b) untuk memasang, menyelenggarakan dan memastikan keselamatan terminal komputer, Peranti Mudah Alih dan/atau peranti elektronik yang lain, perkakasan dan perisian yang berkaitan (termasuk perisian browser internet) dan sambungan internet/data yang digunakan untuk mengakses HLB Connect.

2.2 HLB/HLISB tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang anda atau mana-mana pihak ketiga tanggung akibat daripada kegagalan anda untuk mematuhi sebarang spesifikasi atau mengambil atau melakukan langkah-langkah penjagaan keselamatan berhubung dengan terminal komputer, Peranti Mudah Alih dan/atau peranti elektronik anda yang lain.

2.3 Transmisi SMS

(a) Sebarang Kod Keselamatan yang dihantar ke nombor telefon mudah alih anda yang didaftarkan dengan HLB / HLISB bergantung pada ketersediaan dan kualiti perkhidmatan penyedia perkhidmatan rangkaian mudah alih anda, dan pada terma dan syarat seperti yang dipersetujui antara anda dan penyedia perkhidmatan rangkaian mudah alih anda.

(b) Anda bertanggungjawab untuk memastikan butiran hubungan anda dikemaskinikan, tepat dan lengkap.

(c) HLB / HLISB tidak memiliki sebarang kawalan apa pun terhadap kesesakan trafik SMS, kegagalan rangkaian dan/atau gangguan yang mungkin dialami oleh rangkaian telekomunikasi yang berkaitan ("Kegagalan Rangkaian"). Oleh yang demikian, HLB / HLISB tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang kerugian atau perbelanjaan yang anda atau mana-mana pihak ketiga tanggung akibat sebarang penangguhan atau kegagalan menerima sebarang transmisi SMS daripada HLB / HLISB disebabkan oleh Kegagalan Rangkaian.

3.0 Mendapat Akses HLB Connect

3.1 Pendaftaran Kali Pertama

(a) Anda perlu berusia sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun dan mempunyai Akaun yang aktif.

(b) Pelanggan dikehendaki menjalani proses pendaftaran dengan memasukkan butiran berikut:

(i) Nombor KP, nombor KP Asing, nombor pasport atau nombor pendaftaran perniagaan Pelanggan (bagi empunya tunggal); dan
(ii) Nombor Kad Kredit atau Kad Debit Pelanggan; atau
(iii) ID Sementara yang dikeluarkan oleh HLB / HLISB dan nombor akaun (pinjaman/pembiayaan-i, simpanan).

(c) TAC kemudiannya akan dihantar/diberikan melalui SMS ke nombor telefon mudah alih Pelanggan yang berdaftar dengan HLB / HLISB.

(d) Selepas berjaya disahkan oleh HLB / HLISB, Pelanggan akan mengikuti langkah panduan pada skrin untuk:

(i) Cipta Nama Pengguna
(ii) Cipta Kata laluan;
(iii) Pilih Gambar Keselamatan; dan
(iv) Cipta Soalan Keselamatan.

(e) Pelanggan juga perlu mengesahkan bahawa mereka telah membaca dan menerima Terma dan Syarat ini.

(f) Selepas berjaya, anda kemudiannya boleh log masuk ke HLB Connect menerusi browser internet atau Aplikasi HLB Connect dengan menggunakan Kelayakan Log Masuk.

3.2 Anda boleh memuat turun dan menyediakan Aplikasi HLB Cooenct pada maksimum lima (5) Peranti Mudah Alih pada satu-satu masa. Selepas anda mencapai had maksimum lima (5) Peranti Mudah Alih, sebarang percubaan untuk log masuk menggunakan Peranti Mudah Alih keenam (ke-6) akan gagal melainkan atau sehingga anda memutuskan pautan salah satu peranti anda daripada akaun HLB Connect.

3.3 Akaun HLB Connect anda akan menjadi dorman jika tiada aktiviti log masuk dalam tempoh 12 bulan.

3.4 Sekiranya anda terlupa mana-mana Kelayakan Log Masuk anda atau jika akaun HLB Connect anda menjadi dorman kerana tidak aktif, anda perlu set semula Kelayakan Log Masuk sebelum anda boleh mengakses HLB Connect semula.

3.5 Walau apa pun di atas, pendaftaran anda untuk mengakses HLB Connect adalah tertakluk kepada kelulusan HLB / HLISB.

4.0 Pengesahan Biometrik Aplikasi HLB Connect

4.1 Perkhidmatan Pengesahan Biometrik hanya tersedia untuk Pelanggan yang akaun HLB Connect mereka tidak dorman dan Peranti Mudah Alih mereka menerima cap jari dan/atau pengecaman wajah. Untuk mengaktifkan Pengesahan Biometrik, anda mesti sudah mendaftarkan Data Biometrik anda pada Peranti Mudah Alih anda.

4.2 Dengan membolehkan Pengesahan Biometrik, anda dengan ini mengakui dan bersetuju bahawa:

(a) Tiada Data Biometrik yang didaftarkan pada Peranti Mudah Alih anda disimpan pada pelayan HLB / HLISB dan disimpan pada Peranti Mudah Alih anda. Data Biometrik akan digunakan untuk mengesahkan akses anda ke atau sebarang transaksi yang anda lakukan melalui Aplikasi HLB Connect dan pengesahan dilaksanakan oleh Peranti Mudah Alih itu sendiri. Hasil pengesahan kemudian akan disampaikan oleh Peranti Mudah Alih ke Aplikasi HLB Connect.

(b) Setelah pendaftaran dan pengaktifan Pengesahan Biometrik yang berjaya dalam Aplikasi HLB Connect, sebarang Data Biometrik yang disimpan di Peranti Mudah Alih anda (termasuk data pihak ketiga) dapat digunakan untuk mengakses dan melakukan transaksi melalui Aplikasi HLB Connect. Oleh yang demikian, HLB/HLISB tidak dapat mengesahkan bahawa itu ialah Data Biometrik anda yang disokong pada Peranti Mudah Alih dan juga HLB / HLISB tidak mempunyai kewajipan untuk melakukan pengesahan.

(c) Anda tidak boleh menyimpan atau mendaftarkan sebarang Data Biometrik pihak ketiga pada Peranti Mudah Alih anda jika menggunakan Pengesahan Biometrik kerana ia akan dikenali oleh peranti sebagai cap jari atau wajah anda. Sekiranya anda melakukannya, anda akan membolehkan pemilik cap jari atau wajah untuk mengakses Akaun HLB Connect anda dan melaksanakan semua fungsi yang tersedia dalam perkhidmatan Pengesahan Biometrik HLB Connect.

(d) Sekiranya anda telah mendaftarkan dan menyimpan cap jari pihak ketiga atau wajah pihak ketiga selain yang anda miliki pada Peranti Mudah Alih anda sebelum ini, anda diminta untuk menghapuskan cap jari atau wajah pihak ketiga, yang mana berkenaan, dari Peranti Mudah Alih anda sebelum anda mengaktifkan perkhidmatan Pengesahan Biometrik HLB Connect.

(e) Arahan yang anda berikan menggunakan Pengesahan Biometrik Connect hendaklah terdiri daripada Arahan seperti yang dinyatakan pada Klausa 6 dalam Terma dan Syarat ini.

(f) Sekiranya anda ingin menukar atau melupuskan Peranti Mudah Alih anda, anda hendaklah mengikuti langkah-langkah panduan dalam Aplikasi HLB Connect untuk memutuskan pautan Peranti Mudah Alih anda dari akaun HLB Connect anda dan menyahpasang Aplikasi HLB Connect pada Peranti Mudah Alih anda.

(g) melainkan dan kecuali keingkaran sengaja dan/atau kecuaian, HLB / HLISB tidak akan bertanggungjawab kepada anda untuk mana-mana dan semua kerugian, liabiliti, kos, perbelanjaan, ganti rugi, tuntutan, tindakan, atau prosiding dalam apa jua bentuk (sama ada secara langsung, tidak langsung atau berbangkit) berkenaan dengan apa-apa perkara dalam apa jua bentuk dan apa jua yang timbul (sama ada dalam kontrak, tort, kecuaian atau sebaliknya) berkaitan dengan:

(i) peruntukan oleh HLB / HLISB bagi atau penggunaan perkhidmatan Pengesahan Biometrik oleh anda; dan
(ii) sebarang transaksi tanpa kebenaran melalui atau berhubung dengan penggunaan perkhidmatan Pengesahan Biometrik;
Sekiranya anda kehilangan Peranti Mudah Alih, anda dikehendaki menghubungi Pusat Perhubungan HLB / HLISB untuk melaporkan kehilangan Peranti Mudah Alih anda dan untuk membatalkan pautan akaun HLB Connect anda dari Peranti Mudah Alih yang hilang;

4.3 HLB / HLISB boleh mengikut budi bicara mutlaknya dan pada bila-bila masa, menggantung, menyekat atau menamatkan akses anda kepada perkhidmatan Pengesahan Biometrik atas sebab-sebab keselamatan. Anda masih boleh mendapat akses ke Akaun HLB Connect anda menggunakan Nama Pengguna dan Kata Laluan.

5.0 Perkhidmatan HLB Connect

5.1 Perkhidmatan disediakan melalui HLB Connect oleh HLB / HLISB tertakluk kepada Terma dan Syarat ini.

5.2 Perkhidmatan yang tersedia di Perbankan Dalam Talian HLB Connect dan Aplikasi HLB Connect mungkin berbeza dan senarai Perkhidmatan yang tersedia boleh didapati di Soalan Lazim Connect.

5.3 Perkhidmatan Baharu/Tambahan - Apabila HLB / HLISB menawarkan produk dan perkhidmatan baharu atau tambahan sebagai sebahagian daripada Perkhidmatan ("**Perkhidmatan Baharu**"), HLB / HLISB mungkin, dengan memberi anda notis bertulis terlebih dahulu menurut Klausa 16, menyediakan Perkhidmatan baharu tersebut kepada anda dan mengikut terma dan syarat tambahan (jika ada) seperti yang ditetapkan oleh HLB/HLISB. Penggunaan Perkhidmatan secara berterusan oleh anda melalui HLB Connect akan menunjukkan bahawa anda bersetuju dengan Terma dan Syarat ini sebagaimana yang dipinda oleh terma dan syarat tambahan (jika ada) seperti yang ditetapkan oleh HLB / HLISB.

5.4 Undang-undang dan Peraturan yang Mentadbir Akaun Anda

Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan undang-undang, peraturan, terma dan syarat yang mentadbir dan mengawal selia Akaun anda dengan HLB / HLISB dan Perkhidmatan. Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan atau percanggahan antara terma dan syarat/undang-undang dan peraturan penggunaan HLB Connect, maka Terma dan Syarat akan mengatasi sejauh mana percanggahan atau ketidakselarasan tersebut.

5.5 Kesediaan Perkhidmatan

(a) HLB Connect disediakan tujuh (7) hari seminggu mulai 12.10 a.m. hingga 11.55 p.m. setiap hari melainkan HLB / HLISB memaklumkan anda sebaliknya atau atas apa-apa sebab di luar kawalan HLB / HLISB. Sepanjang tempoh antara 11.55 p.m. hingga 12.10 a.m. setiap hari, anda hanya dapat lihat baki Akaun anda dan melaksanakan Pindahan Akaun Sendiri atau pindahan dana dari CASA HLB / HLISB anda ke akaun perbankan HLB / HLISB pihak ketiga. HLB/HLISB tidak menjamin bahawa HLB Connect akan tersedia sepanjang masa.

(b) Sekiranya HLB Connect tidak tersedia, anda boleh melakukan transaksi anda di mana-mana cawangan HLB / HLISB atau menggunakan perkhidmatan perbankan alternatif lain yang tersedia untuk anda.

5.6 Kebolehpercayaan Maklumat – Maklumat termasuk dan tidak terhad kepada kadar faedah, kadar tukaran mata wang asing, maklumat produk yang kami nyatakan atau sediakan melalui HLB Connect adalah sebagai petunjuk sahaja. Kadar atau harga sebenar yang akan dikenakan bagi transaksi tertentu hanya boleh ditentukan pada masa transaksi yang berkaitan dimulakan.

6.0 Arahan

6.1 Sebarang Arahan yang diterima oleh HLB / HLISB melalui penggunaan Kod Keselamatan yang berkaitan akan dianggap sebagai Arahan dan kebenaran yang diberikan oleh anda atau bagi pihak anda kepada HLB / HLISB; HLB / HLISB dengan ini diberi kuasa untuk bertindak mengikut Arahan tersebut tanpa pertanyaan dari pihaknya tentang identiti orang yang memberi atau kelihatan memberi Arahan tersebut atau tentang kesahihan Arahan tersebut. HLB / HLISB tidak akan bertanggungjawab untuk memastikan kesahihan orang yang memberi Arahan atau penyalahgunaan Arahan yang tidak dibenarkan yang diberikan.

6.2 Tertakluk pada Klausa 6.5 di bawah, setelah dikeluarkan atau dihantar, Arahan tersebut tidak boleh dibatalkan, ditarik balik, dihentikan atau diubah dan akan mengikat anda.

6.3 Anda hendaklah memastikan bahawa arahan yang dikeluarkan lengkap, tepat dan betul.

6.4 Anda boleh mengeluarkan Arahan untuk membatalkan, menarik balik, membalikkan atau meminda arahan anda yang terdahulu dan HLB / HLISB hanya boleh mematuhi Arahan seterusnya dengan syarat Arahan terdahulu masih belum dilaksanakan.

6.5 HLB / HLISB berhak untuk tidak mematuhi Arahan anda dengan memberi notis kepada anda, jika Arahan anda tidak selaras dengan dasar atau undang-undang dan peraturan HLB / HLISB yang berkuat kuasa pada masa ini.

6.6 Anda perlu memeriksa dengan kerap dan memantau dengan teliti Akaun anda dan memeriksa baki setiap kali sebelum dan selepas mengeluarkan sebarang arahan kepada HLB / HLISB. Anda perlu memaklumkan HLB / HLISB dengan segera tentang sebarang ketidaktepatan atau ketidakteraturan dalam mana-mana Akaun anda.

6.7 Anda hendaklah memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi dalam Akaun anda untuk melaksanakan sebarang transaksi yang anda perlukan. HLB / HLISB tidak berkewajipan untuk menjalankan apa-apa Arahan sehingga dan melainkan Akaun yang berkaitan mempunyai dana yang mencukupi.

6.8 Sebarang Arahan yang dihantar atau diterima oleh HLB / HLISB selepas tamat masa pemprosesan yang berkaitan pada mana-mana Hari Perniagaan akan dianggap sebagai diberikan dan diproses pada Hari Perniagaan yang berikutnya. Masa tamat untuk memproses Arahan dinyatakan pada Laman Web dan transaksi mungkin diubah oleh HLB / HLISB dari semasa ke semasa selepas memberi notis awal kepada anda.

7.0 Rekod Transaksi

7.1 Pelanggan mengakui bahawa apa-apa maklumat yang berkaitan dengan Akaun Pelanggan seperti yang dilaporkan melalui HLB Connect mungkin tidak selalu dikemaskinikan sepenuhnya mungkin disebabkan oleh Arahan dan/atau transaksi yang, tanpa mengehadkan kegunaan umum di atas, hanya dikreditkan tanpa pengesahan sebagai belum dijelaskan (yang mungkin diubah atau dibalikkan oleh HLB / HLISB jika tidak dijelaskan), masih belum diproses oleh HLB / HLISB, memerlukan pengesahan HLB / HLISB atau sedang dilaksanakan.

8.0 Had Transaksi

8.1 Sekiranya anda belum menetapkan had untuk sebarang transaksi yang dilakukan melalui HLB Connect, bagi tujuan kawalan, HLB / HLISB berhak untuk mengenakan had default sama ada dalam jumlah dan/atau penggunaan mana-mana Kod Keselamatan untuk transaksi anda. Anda boleh log masuk ke HLB Connect untuk mengubah had tersebut dari semasa ke semasa, tertakluk kepada had maksimum yang dibenarkan. Had default dan had maksimum yang dibenarkan terdapat secara dalam talian di Laman Web HLB / HLISB, dan tertakluk pada perubahan dari semasa ke semasa dengan notis awal kepada anda.

8.2 Atas sebab-sebab keselamatan tambahan, Pelanggan hanya boleh memindahkan sebanyak RM9,999.99 sehari melalui Aplikasi HLB Connect. Sekiranya Pelanggan ingin melakukan pemindahan dana melebihi RM9,999.99, Pelanggan boleh melakukannya melalui Perbankan Dalam Talian HLB Connect, tertakluk pada had transaksi yang ditetapkan oleh Pelanggan tersebut atau had default yang ditetapkan oleh HLB/HLISB, mengikut mana-mana yang berkenaan.

8.3 Pemindahan Dana dalam jumlah kecil iaitu sehingga had default awal sebanyak RM250 tidak memerlukan TAC. Walau bagaimanapun, TAC akan diperlukan untuk tujuan pengesahan apabila jumlah keseluruhan pemindahan terbuka anda mencecah RM250. Pelanggan boleh mengubah had pemindahan yang disebutkan di atas melalui Aplikasi HLB Connect dan Perbankan Dalam Talian Connect, tertakluk kepada sebarang had maksimum yang mungkin diberitahu oleh Bank dari semasa ke semasa.

9.0 Fi Perkhidmatan, Komisen dan Caj

9.1 HLB / HLISB berhak untuk mengenakan fi perkhidmatan, komisen dan caj lain untuk Perkhidmatan yang diberikan kepada anda melalui HLB Connect dari semasa ke semasa. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bentuk fi SMS yang ditanggung bagi tujuan memberitahu penerima transaksi pindahan dana anda.

9.2 Sebarang Cukai yang sekarang atau selepas ini dikenakan oleh undang-undang atau yang perlu dibayar berkenaan dengan Perkhidmatan tersebut yang berkaitan dengan penggunaan HLB Connect oleh anda akan anda tanggung.

9.3 Anda dengan ini memberi kebenaran kepada HLB / HLISB untuk mendebitkan Akaun anda yang berkaitan dengan tujuan memungut fi, komisen, caj dan Cukai tersebut untuk penggunaan HLB Connect.

10.0 TANGGUNGJAWAB/KEWAJIPAN KESELAMATAN ANDA

10.1 Anda bersetuju bahawa anda bertanggungjawab untuk memastikan dan mencegah penggunaan akaun HLB Connect anda secara tidak sah dan secara menipu, dengan menggunakan langkah-langkah termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:-

(a) Kod Keselamatan dan Data Biometrik anda mesti dirahsiakan pada setiap masa, tidak boleh diakses oleh orang lain selain anda, dan tidak didedahkan atau ditunjukkan kepada mana-mana orang (termasuk pekerja HLB / HLISB) dalam apa-apa keadaan sekalipun atau pada bila-bila masa;

(b) Kod Keselamatan tidak boleh ditulis dalam bentuk atau cara apa pun yang boleh ditafsirkan oleh sesiapa. Sebarang pemberitahuan dihantar kepada anda yang

mengandungi Kod Keselamatan, mesti dimusnahkan sebaik sahaja anda menerima dan membacanya. Sebarang e-mel atau SMS yang meminta Kod Keselamatan anda perlu dilaporkan kepada HLB / HLISB secara segera dengan menghubungi Pusat Hubungan HLB / HLISB;

(c) anda hendaklah memastikan bahawa peralatan atau Peranti Mudah Alih yang anda gunakan untuk mengakses HLB Connect tidak akan membenarkan rakaman aktiviti anda dan anti-spyware, anti-virus dan firewall yang diperlukan dipasang;

(d) anda hendaklah memastikan bahawa anda mengakses alamat browser internet ("URL") yang betul untuk HLB Connect dan anda telah memeriksa dan mengesahkan bahawa Gambar Keselamatan yang betul dipaparkan sebelum anda memasukkan Kata Laluan semasa log masuk ke HLB Connect;

(e) anda tidak boleh log masuk ke HLB Connect di kafe Internet atau mana-mana tempat awam yang menawarkan perkhidmatan internet;

(f) jika anda kehilangan Peranti Mudah Alih, anda hendaklah segera menghentikan pendaftaran Aplikasi HLB Connect dari Peranti Mudah Alih yang hilang dengan menghubungi Pusat Hubungan HLB / HLISB;

(g) anda perlu menukar Kata Laluan secara berkala;

(h) anda tidak boleh melaksanakan sebarang Arahan melalui HLB Connect atau menggunakan HLB Connect di hadapan orang lain;

(i) anda bertanggungjawab memastikan bahawa hanya anda yang mempunyai akses ke akaun HLB Connect anda. Selepas anda log masuk HLB Connect, anda tidak boleh meninggalkan terminal atau peranti yang anda gunakan untuk mengakses HLB Connect pada bila-bila masa tanpa dijaga atau membiarkan sesiapa sahaja menggunakan terminal atau peranti anda sehingga anda benar-benar telah log keluar pada akhir setiap sesi;

(j) jika anda menerima data atau maklumat melalui HLB Connect yang tidak dimaksudkan untuk anda, anda harus segera melaporkan kepada HLB / HLISB dengan menghubungi Pusat Hubungan HLB / HLISB dan menghapus data atau maklumat tersebut; dan

(k) jika anda kehilangan Peranti Mudah Alih atau jika anda menukar atau melupuskan Peranti Mudah Alih, anda hendaklah menghentikan pautan Peranti Mudah Alih tersebut dari akaun HLB Connect anda mengikut langkah panduan dalam Aplikasi HLB Connect.

10.2 Anda sedar dan bersetuju bahawa HLB / HLISB menggunakan Kod Keselamatan anda untuk mengenal pasti anda dan anda bertanggungjawab untuk menyimpan semua Kod Keselamatan anda dengan selamat dan mengambil langkah sewajarnya untuk mengelakkan akses dan/atau penggunaan akaun HLB Connect anda tanpa kebenaran. Sekiranya Kod Keselamatan terdedah atau disyaki terdedah kepada sesiapa, anda hendaklah segera menukar Kod Keselamatan dan melaporkan pendedahan yang disyaki tersebut dengan segera kepada HLB / HLISB melalui kaedah yang disebut dalam Klausa 16 di mana berkenaan untuk melindungi Akaun anda sendiri. HLB / HLISB tidak bertanggungjawab atau menanggung liabiliti terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami akibat transaksi tanpa kebenaran yang dilakukan melalui penggunaan Kod Keselamatan akibat

kegagalan anda melaporkan pelanggaran atau kompromi keselamatan yang disyaki sebaik sahaja mengetahui pelanggaran atau kompromi tersebut melainkan disebabkan oleh kecuaian atau keingkaran yang disengajakan oleh HLB / HLISB.

10.3 HLB / HLISB berhak untuk membatalkan sementara, menangguhkan atau menyekat akses anda ke HLB Connect dan/atau penggunaan akaun HLB Connect anda sehingga pengesahan lebih lanjut jika kami mengesan kemungkinan akses tanpa kebenaran dan HLB / HLISB akan memberitahu anda secepat mungkin, tertakluk pada sekatan undang-undang dan/atau peraturan. Setelah pengesahan berjaya, akses anda ke HLB Connect akan dikembalikan.

11.0 Pematuhan Undang-undang yang Lain

Penggunaan HLB Connect di luar Malaysia dan penggunaan HLB Connect oleh anda tertakluk pada yang berikut:

(a) keperluan semasa bagi transaksi antarabangsa dan domestik yang dinyatakan oleh Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, dan pada masa ini ialah Notis Pertukaran Asing ("FEN") yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. FEN boleh didapati melalui laman web Bank Negara Malaysia di https://www.bnm.gov.my;

(b) apa-apa syarat kawalan fiskal atau pertukaran yang dikuatkuasakan buat masa ini di negara di mana transaksi tersebut dilakukan atau diminta; dan

(c) undang-undang dan peraturan Malaysia serta negara di mana transaksi tersebut dilakukan atau diminta.

12.0 Liabiliti Pihak-pihak

12.1 Dengan menggunakan HLB Connect, anda mengakui dan bersetuju:-

(a) untuk menerima risiko asas yang berkait dengan pelaksanaan transaksi melalui Internet dan peranti elektronik mudah alih; dan

(c) bahawa HLB / HLISB dan anggota Gabungannya tidak membuat apa-apa representasi atau jaminan, sama ada secara tersurat atau tersirat berkenaan dengan HLB Connect, termasuk tetapi tidak terhad kepada kebolehdagangan dan kesesuaian untuk tujuan tertentu. Tiada maklumat lisan atau bertulis atau nasihat yang diberikan oleh HLB / HLISB, anggota Gabungannya dan kakitangan, pekerja atau ejen masing-masing akan mencipta atau meningkatkan skop jaminan ini.

12.2 Anda hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya dan menanggung liabiliti, untuk yang berikut:-

(a) sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami untuk semua transaksi tanpa kebenaran yang dijalankan melalui penggunaan Kod Keselamatan sehingga masa apabila HLB / HLISB telah menerima pemberitahuan bertulis yang sama dari anda;

(b) apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami sekiranya anda tidak memutuskan pautan Aplikasi HLB Connect dari Peranti Mudah Alih anda mengikut langkah-langkah yang berkaitan yang ditetapkan oleh HLB / HLISB dalam Aplikasi HLB Connect; dan

(c) sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami HLB / HLISB akibat daripada pelanggaran atau kegagalan anda mematuhi mana-mana Terma dan Syarat ini atau mana-mana prosedur berkaitan yang ditetapkan oleh HLB / HLISB.

12.3 Melainkan dan kecuali untuk kerosakan yang timbul secara langsung dari sengaja ingkar atau kecuaian di pihak HLB / HLISB, HLB / HLISB tidak akan bertanggungjawab kepada anda atau mana-mana pihak ketiga atas ganti rugi kerana ingkar, peninggalan, kecuaian, pelanggaran kontrak, kehilangan keuntungan atau perolehan, muhibah atau apa-apa jenis kerugian atau kerosakan teladan, sampingan, langsung atau akibat walau apa pun timbul sama ada HLB / HLISB telah diberitahu perkara yang sama atau tidak, termasuk kerosakan akibat:-

(a) kegagalan anda memberikan Arahan yang tepat, lengkap dan tepat pada masanya kepada HLB / HLISB;

(b) kegagalan anda mematuhi Terma dan Syarat ini;

(c) ketidakupayaan anda untuk melaksanakan apa-apa transaksi disebabkan oleh had yang ditetapkan oleh HLB / HLISB dari semasa ke semasa;

(d) sebarang pindaan atau pemusnahan Arahan, data atau maklumat ke atau dari HLB / HLISB melalui HLB Connect;

(e) sebarang pencerobohan atau serangan oleh mana-mana orang atau pihak terhadap sebarang perkakasan, perisian atau sistem yang digunakan berkaitan dengan akses anda ke HLB Connect atau Internet, peranti mudah alih dan tablet. Pencerobohan atau serangan termasuklah tetapi tidak terhad kepada virus, Kuda Trojan, Malware dan/atau makro atau komponen berbahaya lain atau peranti yang melumpuhkan yang boleh menggantung, mengganggu atau melumpuhkan Connect atau mana-mana bahagiannya;

(f) sebarang sekatan atau larangan penggunaan HLB Connect oleh mana-mana undang-undang atau peraturan mana-mana negara dari mana anda mengakses HLB Connect;

(g) sekiranya HLB/HLISB tidak dapat melaksanakan sebarang operasi atau menyediakan sebarang Perkhidmatan disebabkan oleh sebarang alasan di luar kawalan HLB / HLISB, yang termasuk (tetapi tidak terhad kepada):

(i) kebakaran, gempa bumi, tanah runtuh, banjir, wabak, bencana alam;
(ii) kemalangan, rusuhan, gangguan sivil, pertikaian industri, tindakan musuh awam, embargo, perang;
(iii) sebarang kegagalan, kelewatan atau gangguan telekomunikasi, elektrik, bekalan bahan api atau perkhidmatan yang disediakan oleh Penyedia Perkhidmatan Rangkaian, Penyedia Perkhidmatan Rangkaian Mudah Alih; dan
(iv) perintah mana-mana jabatan, agensi, badan penubuhan lain atau badan pengawal selia pihak berkuasa Kerajaan.

(h) kegagalan menjalankan transaksi yang dihalang dalam masa yang ditetapkan; atau

(i) anda bertindak secara penipuan.

12.4 Had Liabiliti

Sekiranya HLB / HLISB dipertanggungjawabkan atas sebarang kerosakan walaupun Klausa 12.3 dari Terma dan Syarat ini, jumlah liabiliti HLB / HLISB tidak akan melebihi jumlah transaksi yang terlibat yang menimbulkan tuntutan atau kerosakan langsung yang ditanggung, mana yang lebih rendah.

12.5 Klausa 12 ini akan kekal berkuat kuasa walaupun selepas anda menamatkan Akaun atau HLB Connect anda.

13.0 Indemniti

13.1 Anda bersetuju untuk menanggung rugi HLB / HLISB sepenuhnya dan selengkapnya terhadap sebarang liabiliti, tuntutan kerugian, kerosakan dan kos yang ditanggung (termasuk fi undang-undang) yang berkaitan dengan atau dalam apa-apa cara yang timbul daripada penggunaan HLB Connect dan Perkhidmatan oleh anda, penerimaan mana-mana Arahan yang anda berikan atau pelanggaran mana-mana Terma dan Syarat ini oleh anda. Klausa 13 ini akan diteruskan walaupun penggunaan dan akses HLB Connect anda ditamatkan.

14.0 Penggantungan atau Penamatan Connect oleh HLB/HLISB

14.1 HLB/HLISB boleh menggantung, menolak atau menamatkan akses anda ke HLB Connect atau mana-mana bahagian Perkhidmatan jika akses anda ke HLB Connect atau penggunaan Perkhidmatan tersebut disyaki tidak sesuai dengan mana-mana undang-undang atau peraturan atau kawal selia yang perlu dipatuhi oleh HLB / HLISB, dengan memberi notis bertulis kepada anda sekiranya dibenarkan oleh undang-undang untuk melakukannya.

14.2 HLB / HLISB secara automatik akan menamatkan hak akses HLB Connect apabila anda tidak lagi memiliki mana-mana Akaun dengan HLB / HLISB yang boleh diakses melalui HLB Connect atau jika akses anda ke Akaun tersebut digantung, disekat atau dilarang oleh HLB / HLISB atau mana-mana pihak ketiga atas sebarang sebab.

14.3 Anda juga mengakui dan bersetuju bahawa sekiranya akses anda ke HLB Connect ditamatkan atas sebarang sebab, HLB / HLISB tidak akan bertanggungjawab atas kegagalannya untuk bertindak dan mempengaruhi atau melaksanakan atau memproses sebarang Arahan yang diterima sebelum penamatan tersebut yang tetap tidak terjejas atau tidak dilaksanakan atau tidak diproses pada saat penamatan oleh HLB / HLISB atau sebaliknya pada saat penerimaan notis anda untuk menamatkan.

15.0 Kebolehasingan dan Pengecualian

15.1 Jika mana-mana peruntukan yang terkandung di sini adalah atau menjadi haram, tidak sah, dilarang atau tidak boleh dikuatkuasakan mengikut mana-mana undang-undang yang terpakai ("Peruntukan Tidak Sah"), peruntukan yang tinggal akan kekal dikuatkuasakan sepenuhnya dan tidak terjejas oleh Peruntukan Tidak Sah.

15.2 Kegagalan dan penangguhan oleh kami dalam melaksanakan hak atau remedi kami tidak boleh menjadi pengecualian bagi mana-mana hak atau remedi bawah Terma dan Syarat ini.

16.0 Notis

16.1 Sebarang notis yang perlu diberikan oleh HLB / HLISB kepada anda bawah Terma dan Syarat ini boleh diberikan mengikut mana-mana cara berikut:-

(a) melalui mel elektronik ke alamat e-mel terakhir yang diketahui dalam rekod HLB / HLISB dan akan dianggap diterima selepas dua puluh empat (24) jam dari penghantaran; atau

(b) melalui SMS ke nombor telefon mudah alih terakhir anda yang diketahui dalam rekod HLB / HLISB dan dianggap diterima selepas dua puluh empat (24) jam dari penghantaran; atau

(c) melalui pos biasa atau berdaftar atau kurier yang dihantar atau ditinggalkan di alamat terakhir anda yang didaftarkan dengan HLB / HLISB dan dianggap diterima dalam tempoh tujuh (7) Hari Perniagaan daripada penghantaran jika dihantar melalui pos biasa atau berdaftar dan dalam dua (2) Hari Perniagaan jika dihantar melalui kurier; atau

(d) dengan mempamerkan notis di premis cawangan HLB / HLISB atau di laman web HLB / HLISB dan notis sedemikian hendaklah dianggap berkuat kuasa dengan paparan sedemikian; atau

(e) dengan cara iklan atau notis am dalam akhbar nasional utama dan notis tersebut akan dianggap berkuat kuasa dari tarikh notis atau tarikh yang dinyatakan dalam notis, mengikut mana-mana yang berkenaan.

16.2 Melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Tera dan Syarat ini, jika anda mahu menghantar sebarang notis (melainkan Arahan) kepada HLB / HLISB, notis tersebut boleh diberikan mengikut mana-mana cara berikut:

(c) melalui pos biasa atau berdaftar atau kurier yang dihantar atau ditinggalkan di cawangan di mana Akaun dikekalkan dan dianggap telah diterima oleh HLB / HLISB dalam tempoh tujuh (7) Hari Perniagaan dari pengeposan jika dihantar melalui pos berdaftar atau biasa atau dalam Dua (2) Hari Perniagaan jika melalui kurier; atau

(b) melalui e-mel atau kaedah elektronik yang lain ke HLB / HLISB ke alamat yang dinyatakan dalam Klausa 21 di bawah.

16.3 Anda hendaklah memaklumkan HLB / HLISB dengan segera tentang sebarang perubahan butiran peribadi, nombor telefon atau nombor mudah alih atau mel elektronik, surat-menyurat dan/atau alamat kediaman anda secara bertulis atau melalui kaedah perhubungan dalam Klausa 16.2 di atas.

17.0 Representasi dan Jaminan dalam memproses Maklumat Peribadi

Anda dengan ini mewakili dan menjamin bahawa anda telah memperoleh persetujuan semua orang yang dinamakan dalam permohonan anda untuk Akaun dan Perkhidmatan atau dokumen sedemikian yang dikemukakan kepada HLB / HLISB untuk menyokong permohonan dan/atau wakil yang diberi kuasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada para pengarah anda, pemegang saham, penandatangan yang dibenarkan atau orang lain seperti yang dinyatakan oleh HLB / HLISB ("Subjek Data Yang Berkaitan"), untuk pengumpulan,

pemegangan dan penggunaan maklumat peribadi Subjek Data Berkaitan mengikut Notis Privasi HLB / HLISB seperti yang boleh dipinda dari semasa ke semasa.

18.0 Pendedahan

Anda dengan ini bersetuju bahawa:

(a) Hak HLB / HLISB terhadap maklumat dan pendedahan anda adalah selaras dengan Notis Privasi HLB / HLISB;
(b) HLB / HLISB perlu menggunakan maklumat transaksi anda seperti yang diperlukan untuk memproses pembayaran;
(c) apabila anda menggunakan Kemudahan Pembayaran Bil JomPAY untuk pembayaran, HLB / HLISB boleh mendedahkan data peribadi anda kepada Pengendali Skim, Pembil, Bank Pembil dan Bank Pembayar lain;
(d) apabila anda menggunakan DuitNow, HLB / HLISB akan mendedahkan, menggunakan dan memproses ID DuitNow yang berkaitan seperti yang diperlukan untuk transaksi yang berkaitan;
(e) HLB / HLISB boleh mendedahkan ID DuitNow, ID Biasa dan data peribadi berkaitan anda yang lain kepada Pengendali NAD untuk pemprosesan, penyimpanan, dan arkib dan pendedahan kepada penghantar dana di bawah DuitNow, anggota gabungan HLB / HLISB, penyedia perkhidmatan, peserta NAD yang lain dan pihak ketiga yang menawarkan DuitNow dan pelanggan masing-masing;
(f) bank-bank peserta NAD yang lain boleh melaksanakan Pertanyaan Nama NAD bagi ID DuitNow anda yang berdaftar bagi tujuan mengesahkan/mengenal pasti nama anda sebagai sebahagian daripada pelaksanaan perkhidmatan DuitNow.
(g) HLB / HLISB boleh mendedahkan maklumat ID DuitNow anda di mana HLB / HLISB mempunyai kewajipan mengikut undang-undang atau jika terdapat kepentingan umum, sebagai contoh untuk mencegah atau mengesan penipuan dan penyalahgunaan;
(h) anda hendaklah memaklumkan kepada kami jika mana-mana maklumat peribadi anda tidak tepat, berubah dan anda bersetuju bahawa maklumat peribadi yang dikemas kini didedahkan kepada semua Peserta Kemudahan Pembayaran Bil JomPAY bagi tujuan Klausa 18 (c) di atas serta pihak-pihak yang dinyatakan dalam Klausa 18 (d) dan (e) di atas; dan
(i) sekiranya data peribadi tidak didedahkan kepada pihak yang dinyatakan dalam Klausa 18 (c) dan (f), proses pembayaran yang diminta atau penggunaan Kemudahan Pembayaran Bil JomPAY dan/atau DuitNow mungkin tidak dapat dilakukan.

19.0 Kebenaran untuk Memproses Maklumat Peribadi

Anda dengan ini bersetuju dan memberi kebenaran kepada pemegangan, pengumpulan dan penggunaan semua data peribadi yang diberikan kepada atau diperoleh oleh HLB / HLISB daripada domain awam termasuk tetapi tidak terhad kepada laman web HLB / HLISB, serta data peribadi yang diperoleh daripada peruntukan Perkhidmatan kepada anda berkait dengan Akaun anda dan/atau Akaun Pihak Ketiga menurut Notis Privasi HLB / HLISB yang boleh dipinda dari semasa ke semasa.

20.0 Pembinaan Semula HLB/HLISB

Terma dan Syarat ini akan terus sah dan terikat bagi semua tujuan, walaupun terdapat perubahan dalam perlembagaan HLB / HLISB termasuk oleh percantuman, pembinaan semula, penyatuan, penggabungan atau sebaliknya.

21.0 Pertanyaan dan Pertikaian

21.1 Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berhubung dengan Terma dan Syarat ini atau HLB Connect, sila rujuk Pusat Hubungan HLB / HLISB di:-
Tel: 603-7626 8899

21.2 Sekiranya anda mempunyai sebarang aduan atau ingin mempertikai atau melaporkan sebarang transaksi yang dilakukan melalui HLB Connect, sila nyatakan ciri aduan, pertanyaan dan/atau pertikaian anda dan rujuk perkara tersebut kepada HLB / HLISB menggunakan satu (1) kaedah berikut:

(a) melalui pos biasa / berdaftar / kurier kepada :-

PFS Digital, Hong Leong Bank,
Aras 23A, Menara Hong Leong,
No. 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara,
50490, Kuala Lumpur, Malaysia.

(b) Borang maklum balas dalam talian boleh didapati di www.hlb.com.my / www.hlisb.com.my

(c) e-mel kepada HLOnline@HLB.hongleong.com.my

21.3 Sekiranya anda mahu melaporkan transaksi yang tidak dibenarkan ke atas Akaun, anda dikehendaki melaporkannya melalui mana-mana kaedah yang dinyatakan dalam Klausa 21.1 di atas dan memberikan HLB / HLISB maklumat berikut berhubung dengan transaksi yang dipertikaikan supaya HLB / HLISB boleh menyiasat perkara tersebut dengan lebih lanjut:

(a) Nama anda;
(b) Butiran Akaun yang terjejas oleh transaksi yang dipertikaikan;
(c) Tarikh transaksi yang dipertikaikan;
(d) Amaun transaksi yang dipertikaikan; dan
(e) Sebab-sebab mengapa anda percaya bahawa transaksi adalah tidak sah atau transaksi yang dipertikaikan.

HLB / HLISB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, kerosakan atau malu yang ditanggung akibat kegagalan anda menyediakan semua maklumat yang diperlukan kepada HLB / HLISB berhubung dengan transaksi yang dipertikaikan seperti yang dinyatakan pada Klausa 23.1 yang terkandung.

21.4 HLB / HLISB berhak untuk memulakan tindakan undang-undang dan/atau sebarang prosiding lain yang dianggap perlu termasuk membuat laporan yang sesuai atau perlu dengan pihak berkuasa kawal selia berkaitan, terhadap anda jika anda melambatkan, menghalang dan/atau menahan maklumat penting dari HLB / HLISB, membuat atau cuba membuat tuntutan palsu berkenaan dengan apa-apa transaksi, menyiarkan tuntutan palsu melalui media tradisional atau sosial, dan/atau menyerahkan laporan polis palsu berkenaan dengan apa-apa transaksi.

22.0 Pemegang Akaun Bersama

Untuk Akaun bersama:

(a) Salah seorang pemegang akaun boleh mengeluarkan Arahan dan memberi kebenaran kepada HLB / HLISB untuk melaksanakan sebarang transaksi pada Akaun bersama. Semua transaksi yang dilaksanakan menggunakan Kod Keselamatan yang digunakan untuk mengendalikan Akaun bersama yang ditetapkan adalah mengikat semua pemegang akaun bagi Akaun bersama tersebut, yang akan bertanggungjawab secara bersama dan berasingan terhadap semua transaksi yang dilaksanakan menggunakan Kod Keselamatan yang sah.

(b) Anda akan terus dipertanggungjawabkan untuk semua transaksi yang dilakukan sebelum ini oleh anda atau mana-mana pemegang akaun walaupun anda telah menamatkan Connect.

23.0 Cukai Kerajaan dan/atau caj, yuran berkanun/kawal selia, dan sebagainya

23.1 Yuran dan semua wang lain hendaklah anda bayar kepada HLB / HLISB berkaitan dengan HLB Connect termasuk sebarang jumlah pembayaran balik yang perlu dibayar oleh anda kepada HLB / HLISB, tidak termasuk sebarang cukai, dan akan dibayar tanpa sebarang tolakan, sekatan atau syarat dan tanpa sebarang tolakan atas sebab sebarang tuntutan balas atau sebarang tolakan atau penangguhan.

23.2 Sekiranya anda diperlukan oleh undang-undang untuk membuat sebarang tolakan atau penangguhan daripada yuran dan/atau semua wang lain yang perlu dibayar kepada HLB / HLISB berhubung HLB Connect, yang berkaitan dengan sebarang Cukai atau sebaliknya, maka jumlah yang perlu anda bayar, yang berkaitan dengan tolakan atau penangguhan yang diperlukan itu, hendaklah ditambah supaya yuran bersih dan/atau jumlah bersih wang yang diterima oleh HLB / HLISB itu nanti adalah bersamaan dengan jumlah yang sepatutnya diterima jika tolakan atau penangguhan yang diperlukan itu tidak dibuat.

23.3 Selain daripada yuran dan semua wang lain yang perlu dibayar, anda akan membayar kepada HLB / HLISB semua Cukai pada kadar semasa dan/atau jumlah yang ditentukan oleh HLB / HLISB untuk merangkumi sebarang bayaran/liabiliti/kewajipan Cukai berkaitan dengannya, tanpa sebarang tolakan, sekatan atau syarat dan tanpa sebarang tolakan atas sebab sebarang tuntutan balas atau sebarang tolakan atau penangguhan, selain dari Cukai yang mungkin diperlukan di bawah mana-mana undang-undang yang perlu anda bayar secara langsung kepada mana-mana Pihak Berkuasa yang Berkenaan, di mana yang akan anda dihantar terus kepada Pihak Berkuasa yang Berkenaan.

23.4 Sekiranya, pada bila-bila masa pelarasan dibuat atau perlu dibuat antara HLB / HLISB dan pihak berkuasa percukaian yang berkenaan atas sebab sebarang jumlah yang dibayar sebagai Cukai yang timbul daripada sebarang bekalan yang dibuat atau dianggap akan dibuat, atau sebab lain yang berkaitan dengan Connect oleh HLB / HLISB, mungkin atas budi bicara HLB / HLISB, pelarasan yang sepadan akan dibuat antara HLB / HLISB dan anda, dan dalam keadaan demikian, sebarang bayaran yang menyebabkan pelarasan itu akan dilaksanakan.

23.5 Semua Cukai yang perlu anda bayar kepada HLB / HLISB sebagaimana yang diperuntukkan di dalam ini akan dibayar mengikut masa dan cara yang ditetapkan oleh HLB / HLISB.

23.6 Anda dengan ini bersetuju untuk melaksanakan semua perkara yang munasabah yang diminta oleh HLB / HLISB untuk membantu HLB / HLISB mematuhi kewajipannya di bawah

sebarang undang-undang yang berkenaan di mana Cukai dikenakan. Sekiranya Cukai baharu diperkenalkan dan Cukai tersebut perlu dikenakan atas transaksi yang dipertimbangkan di dalam Perjanjian ini, anda bersetuju untuk memberi kerjasama penuh kepada HLB / HLISB dalam membantu HLB / HLISB mematuhi kewajipannya di bawah sebarang undang-undang yang berkenaan.

23.7 Bagi mengelakkan keraguan, anda dan HLB / HLISB bersetuju bahawa apa-apa wang yang kena bayar atau amaun yang akan digunakan dalam pengiraan wang yang kena bayar, yang dinyatakan di tempat lain dalam Terma dan Syarat ini telah ditentukan dan tidak termasuk jumlah yang akan ditambah di bawah Klausa ini pada akaun Cukai.

24.0 Undang-undang yang Mengawal

Terma dan Syarat ini hendaklah ditadbir dan diertikan menurut undang-undang Malaysia. Anda dengan ini bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.

25.0 Pindaan

HLB / HLISB berhak pada setiap masa untuk mengubah, meminda, menghapus atau menambah Terma dan Syarat ini dengan memberikan anda notis awal tentang perubahan, pindaan, penghapusan atau penambahan tersebut yang akan berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh HLB / HLISB dalam notis itu. Sekiranya anda tidak bersetuju dengan perubahan, pindaan, penghapusan atau penambahan Terma dan Syarat ini, anda boleh menamatkan penggunaan HLB Connect anda. Akses anda yang berterusan dan/atau penggunaan Perkhidmatan yang terdapat pada HLB Connect akan dianggap sebagai persetujuan dan penerimaan anda yang terikat.

26.0 Aku Janji Anti Rasuah, Anti Sogokan dan Pemberian Maklumat

26.1 Anda dengan ini mengakui bahawa HLB / HLISB mengamalkan sikap toleransi sifar terhadap sebarang bentuk rasuah dan sogokan selaras dengan Dasar ABCnya.

26.2 Anda dengan ini mengakui dan mengaku janji seperti berikut:

(a) bahawa anda telah membaca dan memahami Dasar ABC;
(b) bahawa anda akan, dan akan mendorong pegawai, pekerja, wakil atau ejen anda yang diberi kuasa (jika berkenaan) untuk mematuhi Dasar ABC dan Undang-undang Anti Rasuah; dan
(c) untuk memberitahu HLB / HLISB tentang sebarang ketidakpatuhan atau percubaan ketidakpatuhan Dasar ABC dan/atau Undang-undang Anti-Rasuah oleh mana-mana pekerja HLBG atau orang yang berkaitan dengan HLBG dengan melaporkan hal yang sama melalui Dasar Pemberian Maklumat HLB / HLISB.

27.0 Kemudahan Pembayaran Bil JomPAY

HLB / HLISB ialah Peserta berdaftar bawah Skim ini. Sekiranya HLB / HLISB berhenti atau tidak lagi menjadi Peserta, HLB / HLISB akan memaklumkan anda melalui laman web HLB / HLISB dan dengan cara lain yang difikirkan sesuai oleh HLB / HLISB.

Perkhidmatan JomPAY tersedia di HLB Connect sebagai sebahagian daripada Perkhidmatan yang ditawarkan yang membolehkan anda membuat pembayaran dan pembelian kepada Pembil di Malaysia yang berdaftar di bawah Skim. Terma dan syarat yang terkandung dalam Klausa 27 akan terpakai apabila anda menggunakan perkhidmatan JomPAY melalui HLB Connect untuk

membuat pembayaran dan pembelian kepada Pembil di Malaysia yang didaftarkan di bawah Skim ini. Bagi tujuan Klausa ini, istilah "Pelanggan" hendaklah bermaksud Pembil, Pembayar dan klien Peserta yang lain.

Bagi tujuan Klausa 27, terma tambahan berikut hendaklah terpakai:

"Pelanggan Bank yang Terjejas"	Pelanggan yang Akaun mereka telah didebitkan atau dikreditkan secara ralat disebabkan kesilapan atau Arahan Pembayaran Palsu.
"Pembil yang Terjejas"	Pembil yang menerima Arahan dan/atau dana Pembayaran Salah atau Palsu.
"Peserta yang Terjejas"	Peserta yang menerima Arahan dan/atau dana Pembayaran Salah atau Palsu.
"Bank"	Institusi kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan/atau Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002.
"Pembayaran Berkumpulan"	Pembayaran yang dibuat kepada satu atau lebih Pembil mengikut kumpulan dan menggabungkan Arahan Pembayaran individu dan secara kolektif menghantar Arahan Pembayaran ini mengikut masa yang dijadualkan.
"Benefisiari Penipuan"	Pihak yang akhirnya mendapat manfaat daripada Arahan Pembayaran Tanpa Kebenaran atau Arahan Pembayaran Palsu.
"Bil"	Butiran penyata wang yang terhutang, atau permintaan pembayaran, bagi pembelian barangan, peruntukan perkhidmatan dan/atau apa-apa transaksi perniagaan yang lain.
"Pembil"	Agensi Kerajaan, badan berkanun, perniagaan empunya tunggal atau perkongsian, syarikat, organisasi, pertubuhan atau badan amal yang menyertai Skim untuk mengutip Pembayaran Bil.
"Bank Pembil"	Peserta yang dilantik oleh Pembil untuk memudahkan kutipan pembayaran Bil bagi Pembil melalui JomPAY.
"Kod pembil"	Kod abjad angka yang mengenalpasti secara unik sama ada: • Pembil; atau • kategori produk atau perkhidmatan Pembil bagi tujuan menyalurkan Pembayaran kepada Pembil.
"Arahan Pembayaran yang Salah"	Arahan pembayaran yang dimulakan secara salah atau tidak betul seperti berikut: • Peserta memasukkan entri yang salah ke akaun bank Pembil/ Pembayar, atau menjana Arahan Pembayaran yang tidak sah, tidak betul, salah arah atau terduplikasi bagi pihak Pembil/Pembayar disebabkan ralat teknikal atau ralat operasi;

	• Ralat teknikal atau operasi oleh Pengendali Skim yang menyebabkan Arahan pembayaran yang tidak betul atau terduplikasi; dan • Arahan Pembayaran yang Silap.
"Arahan Pembayaran Palsu"	Pembayaran yang dicetuskan dengan cara yang tidak jujur atau menipu di mana Pembayar membuat Pembayaran akibat daripada invois palsu yang dikeluarkan oleh pihak ketiga yang berupa sebagai Pembil (tetapi sebenarnya bukan) atau pihak ketiga yang menyamar sebagai Pembil.
"Interbank GIRO" atau "IBG"	Sistem pembayaran antara bank dan sistem pemindahan dana yang disediakan oleh PayNet bagi memudahkan pembayaran dan kutipan melalui pertukaran transaksi digital antara Bank.
"Jenama JomPAY"	Jenama, ikon, logo dan tanda untuk Skim JomPAY.
"Arahan Pembayaran yang Silap"	Pembayaran yang dibuat, kepada individu atau bagi amaun yang tidak mengikut Arahan Pembayaran Pembayar atau mengandungi ralat dalam Arahan Pembayaran daripada Pembayar yang mengakibatkan pembayaran yang: a) disalurkan kepada penerima yang salah; b) mengandungi RRN yang salah; c) membawa amaun yang salah; atau d) terduplikasi.
"Peserta"	Bank yang menjadi anggota Skim JomPAY.
"Pembayar"	Individu, syarikat, badan korporat, perniagaan (termasuk tuan punya tunggal dan perkongsian), agensi kerajaan, badan berkanun, pertubuhan dan pelanggan Bank lain yang membuat pembayaran kepada Pembil menggunakan Skim ini.
"Pembayar tidak hadir"	Pembayar yang tidak hadir secara fizikal ketika transaksi dimulakan misalnya Arahan Tetap untuk pembayaran di mana pembayar tidak secara fizikal menghantar arahan semasa pembayaran dibuat.
"Bank Pembayar"	Peserta Skim yang menawarkan perkhidmatan yang membolehkan pembayar memulakan Arahan Pembayaran.
"Arahan Pembayaran" atau "Pembayaran"	Arahan daripada Pembayar kepada Bank Pembayarnya yang mengarahkan Bank Pembayar supaya: a) mengeluarkan dana daripada akaun bank pembayar; dan b) memindahkan dana ke Bank Pembil melalui IBG bagi tujuan membayar Bil kepada Pembil.
"Pemberitahuan Masa Sebenar" atau "RTN"	Suatu bentuk mesej elektronik yang dihantar kepada Pembil sebagai notis awal pembayaran masuk dari Pembayar apabila akaun bank Pembayar berjaya didebitkan untuk Arahan Pembayaran Pembil.

"Pembalikan"	Transaksi yang: a) dimulakan oleh Pembil untuk membatalkan Arahan Pembayaran yang Salah; b) mungkin melibatkan pelarasan debit atau kredit kepada akaun Pembayar yang berkait dengan Arahan Pembayaran yang Salah; dan c) mungkin melibatkan pelarasan akaun bank Pembil yang dinamakan dalam Arahan Pembayaran yang Salah, jika dana dari Arahan Pembayaran Salah telah digunakan pada akaun bank.
"RRN"	Nombor Rujukan Penerima. Pengenalan unik akaun bil yang ditentukan oleh Pembil kepada Pembayar. Dicetak sebagai Ref-1 dan Ref-2 pada Bil.
"Skim"	Perkhidmatan yang ditawarkan oleh PayNet yang memudahkan pembayaran Bil dalam seluruh industri melalui penggunaan Kod Pembil standard dan Nombor Rujukan Penerima.
"Pengendali Skim" atau "SO"	Pemilik dan pengendali Skim.
"Arahan Pembayaran Tanpa Kebenaran"	Pembayaran yang dibuat tanpa kebenaran Pembayar (dan Pembayaran telah didebitkan dari akaun Pembayar) atau Pembayaran yang dibuat oleh anda tanpa apa-apa sebab lain selain daripada penipuan. Ini termasuklah pembayaran yang dibuat oleh pihak ketiga yang mendapat akses tanpa kebenaran ke akaun Pembayar dan membuat transaksi tanpa kebenaran dari akaun Pembayar untuk membuat pembayaran lain. Walau bagaimanapun, ini tidak termasuk Arahan Pembayaran Palsu.
"Kerugian Tidak Boleh Pulih"	Bahagian dana yang dikreditkan kepada pihak yang salah disebabkan Pembayaran yang Salah, Pembayaran Palsu atau Arahan Pembayaran Tanpa Kebenaran yang tidak dapat diambil setelah Peserta kehabisan proses pemulihan dana.

274.1 **Pembayaran**

27.1.1 Maklumat berikut perlu diberikan kepada HLB / HLISB semasa anda membuat pembayaran melalui Kemudahan Pembayaran Bil JomPAY:

(a) Kod Pembil;
(b) Ref-1;
(c) Ref-2 (jika dinyatakan dalam Bil Pembayar) (opsyenal);
(d) Nombor Hubungan (opsyenal);
(e) Tarikh Pembayaran;
(f) Amaun; dan
(g) Akaun yang mana pembayaran didebitkan.

274.1.2 HLB / HLISB kemudiannya akan mendebitkan akaun yang anda tentukan dengan jumlah Arahan Pembayaran kepada Pembil.

27.1.3 Anda dengan ini mengakui bahawa HLB / HLISB tidak berkewajipan untuk memproses pembayaran jika anda tidak memberikan HLB / HLISB semua maklumat yang diperlukan atau jika mana-mana maklumat yang diberikan tidak tepat.

27.1.4 HLB / HLISB tidak akan menerima perintah untuk menghentikan Arahan Pembayaran selepas anda mengarahkan HLB / HLISB untuk membuat Arahan Pembayaran kecuali apabila:

(a) HLB / HLISB secara munasabah membuat kesimpulan bahawa Arahan Pembayaran adalah penipuan atau tanpa kebenaran; atau
(b) Arahan Pembayaran bertarikh pembayaran akan datang yang masih belum dihantar oleh HLB / HLISB kepada IBG.

27.1.5 HLB/HLISB akan memproses semua Arahan Pembayaran mengikut jadual berikut:

(a) Pembayaran yang dibuat sebelum 17:00 pada Hari Perniagaan akan diproses pada hari yang sama.
(b) Pembayaran dibuat pada hari cuti umum atau Hari Bukan Perniagaan atau selepas pukul 5.00 petang pada Hari Perniagaan akan diproses pada Hari Perniagaan berikutnya.

27.1.6 Anda perlu segera memberitahu HLB / HLISB jika menyedari bahawa anda telah membuat kesilapan (kecuali kurang bayar) semasa mengarahkan HLB / HLISB untuk membuat pembayaran, ATAU jika anda tidak memberi kebenaran pembayaran yang telah dibuat dari akaun anda. Pemulihan dana bagi pembayaran sedemikian dijelaskan pada Klausa 27.3 yang terkandung di sini.

27.1.7 Jika anda kemudiannya mendapati jumlah Pembayaran adalah lebih rendah daripada jumlah yang dinyatakan dalam Arahan Pembayaran yang diberikan kepada HLB / HLISB, anda boleh membuat Pembayaran lain untuk perbezaan jumlah tersebut.

27.1.8 HLB / HLISB akan memaklumkan anda tentang status Arahan Pembayaran JomPAY termasuk sebab-sebab arahan pembayaran "Pembayar tidak hadir" ditolak atau gagal.

27.1.9 Untuk mengelakkan keraguan, tiada bayaran balik akan dibuat melalui JomPAY untuk pertikaian antara anda dengan Pembil berhubung dengan barangan atau perkhidmatan yang disediakan oleh Pembil, sama ada berkenaan kesesuaian tujuan atau mutu barangan dan perkhidmatan dan anda perlu menyelesaikan semua pertikaian atau aduan tersebut secara terus dengan Pembil.

27.2 Masa Potong Pembayaran

27.2.1 Sekiranya anda memberi Arahan Pembayaran kepada Pembil sebelum Masa Potong Pembayaran bagi Hari Perniagaan, Pembil dianggap telah menerima pembayaran pada Hari Perniagaan yang sama. Walau bagaimanapun, pembayaran mungkin mengambil masa lebih lama untuk dikreditkan kepada Pembil jika Pembayar memberikan Arahan Pembayaran selepas Masa Potong Pembayaran atau pada hari yang bukan Hari

Perniagaan, yang mana Pembil akan menerima Pembayaran pada Hari Perniagaan berikutnya.

27.2.2 Masa Potong Pembayaran disediakan di laman web HLB di https://www.hlb.com.my/en/personal-banking/help-support/general-faq/service-turnaround-time.html dan laman web HLISB di https://www.hlisb.com.my/en/personal-i/help-support/general-faq/service-turnaround-time.html

27.3 Pemulihan Dana dan Liabiliti Pembayaran

27.3.1 HLB / HLISB akan membetulkan Arahan Pembayaran Silap yang dibuat oleh anda mengikut Klausa 27 ini dengan syarat keadaan berikut dipenuhi:

a) anda serta-merta memberitahu HLB / HLISB bahawa anda menyedari kelewatan atau kesilapan dalam memproses Pembayaran; dan
b) HLB/HLISB berpuas hati bahawa Arahan Pembayaran yang Silap telah berlaku.

27.3.2 Tertakluk kepada Klausa 27.3.1, HLB / HLISB akan cuba membetulkan apa-apa perkara berhubung dengan Arahan Pembayaran yang Silap yang dibuat oleh anda, mengikut cara yang dinyatakan di bawah:

a) untuk pembayaran yang salah arah, pembayaran duplikasi atau Kod Pembil atau RRN yang tidak betul, HLB / HLISB akan mengemukakan permintaan untuk mendapatkan semula dana kepada Bank Pembil yang menerima dana yang salah;
b) Jika HLB / HLISB berpuas hati bahawa kesilapan pembayaran yang tidak tepat disebabkan oleh Pembil, HLB / HLISB akan menjalankan Pembalikan ke akaun anda dan mengemukakan permintaan untuk memulangkan dana kepada Bank Pembil bagi kesilapan tersebut;
c) untuk pembayaran yang tidak lengkap atau gagal di pihak HLB / HLISB, HLB / HLISB akan mengkreditkan semula amaun pembayaran yang gagal ke dalam Akaun anda apabila HLB / HLISB berpuas hati bahawa Arahan Pembayaran telah gagal dan tidak diproses dengan sewajarnya di pihak HLB / HLISB;
d) untuk pembayaran yang tidak lengkap atau gagal di pihak Pengendali Skim atau Bank Pembil, HLB / HLISB akan mengkreditkan semula amaun pembayaran yang gagal ke akaun anda sebelum memulakan pemulihan dana yang diminta.

27.3.3 Apa-apa permintaan untuk pemulihan dana yang dibuat bagi pihak anda untuk Arahan Pembayaran Silap yang disebutkan dalam Klausa 27.3.1 atau Arahan Pembayaran Salah akan diproses menurut Klausa 27.4 yang terkandung di sini. Tertakluk pada Klausa 27.4, HLB / HLISB akan bekerjasama dengan Peserta yang Terjejas untuk meminta dan mendapatkan semula dana bagi pihak anda.

27.3.4 Semua pertanyaan atau aduan yang dibangkitkan oleh anda mengenai Arahan Pembayaran yang Silap hendaklah diselesaikan tidak lewat dari empat belas (14) Hari Perniagaan. Semua pertanyaan dan aduan yang diterima selepas 5 pm pada Hari Perniagaan akan dianggap diterima pada permulaan Hari Perniagaan yang berikutnya.

27.3.5 HLB / HLISB berhak untuk mendebitkan akaun anda (untuk pemulihan dana), sekiranya HLB / HLISB tidak mendebitkan akaun anda selepas Arahan Pembayaran berjaya dilaksanakan dengan sempurna.

27.3.6 Tertakluk kepada Klausa 27.4 yang terkandung di sini (untuk permintaan pemulihan dana yang dibuat oleh Bank Pembayar), HLB / HLISB berhak untuk mendebitkan akaun anda untuk dana yang telah dikreditkan ke akaun anda secara silap disebabkan sebab-sebab berikut:

a) Arahan Pembayaran yang Silap;
b) Arahan Pembayaran yang Salah;
c) Arahan Pembayaran Tanpa Kebenaran; dan
d) Arahan Pembayaran Palsu.

27.4 Arahan Pembayaran yang Salah/Arahan Pembayaran yang Silap

27.4.1 Anda boleh meminta untuk pemulihan dana yang telah dipindahkan secara tidak betul kepada Pelanggan Bank yang Terjejas yang bukan Pembil dengan cara yang berikut:

(a) Pemulihan dana yang dikreditkan secara salah kepada Pelanggan Bank yang Terjejas yang bukan Pembil, yang mana permintaan diterima dalam masa dua puluh satu (21) Hari Perniagaan daripada tarikh Arahan Pembayaran yang Salah/Arahan Pembayaran yang Silap, HLB / HLISB akan meneruskan pemulihan dana dan memasukkan dana ke akaun anda dalam tempoh satu (1) Hari Perniagaan, jika syarat berikut dipenuhi:

(i) Peserta yang Terjejas berpuas hati bahawa dana telah dikreditkan secara salah ke akaun Pelanggan Bank yang Terjejas;
(ii) Terdapat baki yang cukup dalam akaun yang terlibat; dan
(iii) Tiada bukti bahawa Pelanggan Bank yang Terjejas layak menerima dana yang dipertikaikan.

(b) Pemulihan dana yang dikreditkan secara salah kepada Pelanggan Bank yang Terjejas yang bukan Pembil, di mana permintaan pemulihan dana diterima antara dua puluh dua (22) Hari Perniagaan dan tujuh (7) bulan dari tarikh Arahan Pembayaran yang Salah/Arahan Pembayaran yang Silap, HLB / HLISB akan meneruskan pemulihan dana dan memasukkan dana ke akaun anda dalam lima belas (15) Hari Perniagaan, jika syarat berikut dipenuhi:

(i) Peserta yang Terjejas berpuas hati bahawa dana telah dikreditkan secara salah ke akaun Pelanggan Bank yang Terjejas; dan
(ii) Terdapat baki yang cukup dalam akaun Pelanggan Bank yang Terjejas; dan
(iii) Tiada bukti bahawa Pelanggan Bank yang Terjejas layak menerima dana yang dipertikaikan.

(c) Pemulihan dana yang dikreditkan secara salah kepada Pelanggan Bank yang Terjejas yang bukan Pembil, yang mana permintaan pemulihan dana diterima dalam masa tujuh (7) bulan daripada tarikh Arahan Pembayaran yang Salah/Arahan Pembayaran yang Silap, HLB / HLISB akan meneruskan pemulihan dana dan memasukkan dana ke akaun anda dalam tempoh lima belas (15) Hari Perniagaan, jika syarat berikut dipenuhi:

(i) Peserta yang Terjejas berpuas hati bahawa dana telah dikreditkan secara salah ke akaun Pelanggan Bank yang Terjejas;
(ii) Tiada bukti bahawa Pelanggan Bank yang Terjejas layak menerima dana yang dipertikaikan; dan

(iii) Pelanggan Bank yang Terjejas telah memberi persetujuan untuk HLB / HLISB mendebitkan akaun mereka.

27.4.2 Arahan Pembayaran yang timbul daripada penipuan, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada:

(a) Arahan Pembayaran yang dimulakan atau dijana oleh pihak yang tidak dibenarkan membuat pembayaran. Ini boleh berlaku jika ada pihak memperoleh akses tanpa kebenaran ke saluran pembayaran dan memulakan Arahan Pembayaran tanpa kebenaran anda;
(b) Anda diperdaya untuk membuat Arahan Pembayaran yang memberi manfaat kepada pihak selain daripada pihak yang anda mahukan. Ini boleh berlaku jika Pembil mengeluarkan bil palsu atau pihak ketiga mengubah bil tulen dan menyebabkan pembayaran dialihkan; dan
(c) Anda membuat Arahan Pembayaran kepada pembil penipuan yang tidak memberikan barang dan perkhidmatan yang telah dibayar. Ini boleh berlaku jika penipu masuk ke Skim sebagai Pembil untuk mendapat pembayaran secara penipuan.

27.4.3 Anda boleh meminta untuk pemulihan dana yang telah dipindahkan secara tidak betul kepada Pelanggan Bank yang Terjejas yang merupakan Pembil dengan cara yang berikut:

(a) Tertakluk pada Klausa 27.4.3 (b), jika permintaan diterima dalam masa dua puluh (21) Hari Perniagaan daripada tarikh Arahan Pembayaran yang Salah/Arahan Pembayaran yang Silap, HLB / HLISB akan meneruskan pemulihan dana dan memasukkan dana ke akaun anda dalam tempoh satu (1) Hari Perniagaan:

(i) Jika Peserta yang Terjejas berpuas hati bahawa dana telah dikreditkan secara salah ke akaun Pembil yang Terjejas;
(ii) Dana telah dikreditkan ke akaun Pembil yang Terjejas;
(iii) Pembil yang Terjejas tidak bertindak terhadap RTN;
(iv) RTN tidak diterima ke Pembil yang Terjejas;
(v) Terdapat baki yang cukup dalam akaun Pembil Terjejas untuk membayar amaun pemulihan; dan
(vi) Peserta yang Terjejas memberi notis bertulis kepada Pembil yang Terjejas sebelum mendebitkan akaun mereka.

(b) Sekiranya dana tersebut tidak dikreditkan ke akaun Pembil Terjejas dan Pembil Terjejas telah bertindak ke atas RTN (telah menghantar barangan atau menyediakan perkhidmatan), dana tersebut mungkin tidak dapat diperoleh semula sepenuhnya.

(c) Pemulihan dana yang dikreditkan secara salah kepada Pelanggan Bank yang Terjejas yang merupakan Pembil, di mana permintaan diterima antara dua puluh dua (22) Hari Perniagaan dan tujuh (7) bulan daripada tarikh Arahan Pembayaran yang Salah/Arahan Pembayaran yang Silap, pemulihan dana akan diproses mengikut Klausa 27.4.1. (B) yang terkandung di sini.

(d) Pemulihan dana yang dikreditkan secara salah kepada Pelanggan Bank yang Terjejas yang merupakan Pembil, yang permintaannya diterima selepas tujuh (7)

bulan dari tarikh Arahan Pembayaran yang Salah/Arahan Pembayaran yang Silap; pemulihan dana akan diproses mengikut Klausa 27.4.1. (c) yang terkandung di sini.

27.4.4 Walau apa pun Klausa 27.4.1 dan Klausa 27.4.3 di atas, jika dana untuk Arahan Pembayaran yang Salah atau Arahan Pembayaran yang Silap tidak dapat dipulihkan atau dipulihkan sepenuhnya kerana baki yang tidak mencukupi dalam akaun Pelanggan Bank yang Terjejas, ia akan dianggap sebagai Kerugian Tidak Boleh Pulih. Untuk mengelakkan keraguan pihak yang bertanggungjawab atas kesilapan itu, menyebabkan kesilapan itu, menyebabkan Pembayaran yang tidak lengkap atau gagal bertanggungjawab untuk Kerugian Tidak Boleh Pulih.

27.4.5 Anda mengakui bahawa penerimaan Arahan Pembayaran yang Salah atau Arahan Pembayaran yang Silap oleh Pembil adalah tidak dan tidak akan dianggap dalam semua keadaan sebagai pembayaran sebahagian atau penuh sebarang hutang pendasar antara anda dan Pembil.

27.5 Arahan Pembayaran Tanpa Kebenaran dan Arahan Pembayaran Palsu

27.5.1 HLB/HLISB akan apabila menerima laporan daripada anda, yang mendakwa bahawa Arahan Pembayaran Tanpa Kebenaran telah dibuat, atau apabila menyedari sebarang Arahan Pembayaran Tanpa Kebenaran yang berasal dari HLB / HLISB, memasukkan dana ke dalam akaun anda dalam masa satu (1) Hari Perniagaan daripada tarikh penerimaan dari Pembil, jika syarat berikut dipenuhi:

(a) HLB / HLISB akan menjalankan penyiasatan dan menentukan dalam tempoh empat belas (14) Hari Perniagaan, jika Arahan Pembayaran Tanpa Kebenaran telah berlaku;
(b) Sekiranya HLB / HLISB berpuas hati bahawa Arahan Pembayaran Tanpa Kebenaran berlaku atau empat belas (14) Hari Perniagaan telah luput, HLB / HLISB akan memulakan proses Pembalikan di mana semua debit yang dibuat ke Akaun anda yang timbul daripada Arahan Pembayaran Tanpa Kebenaran akan diterbalikkan; dan
(c) Bank Pembil tidak menggunakan sebahagian atau semua dana yang dipersoalkan untuk manfaat Benefisiari Penipuan.

27.5.2 Bagi Arahan Pembayaran Palsu, HLB / HLISB akan apabila menerima laporan daripada anda, yang mendakwa bahawa Arahan Pembayaran Palsu telah dibuat, atau apabila menyedari sebarang Arahan Pembayaran Palsu yang berasal dari HLB / HLISB, memasukkan dana ke dalam akaun anda dalam masa satu (1) Hari Perniagaan daripada tarikh penerimaan dari Pembil, jika syarat berikut dipenuhi:

(a) HLB / HLISB akan menjalankan penyiasatan dan menentukan dalam tempoh empat belas (14) Hari Perniagaan jika Arahan Pembayaran Palsu telah berlaku;
(b) Sekiranya HLB / HLISB berpuas hati bahawa Arahan Pembayaran Palsu berlaku atau empat belas hari (14) Hari Perniagaan telah luput, HLB / HLISB akan memulakan proses Pembalikan di mana semua debit yang dibuat ke Akaun anda yang timbul dari Arahan Pembayaran Palsu akan dibalikkan; dan
(c) Bank Pembil tidak menggunakan sebahagian atau semua dana yang dipersoalkan untuk manfaat Benefisiari Penipuan.

27.5.3 Walau apa pun Klausa 27.5.1 dan Klausa 27.5.2 di atas, jika dana untuk sebarang Arahan Pembayaran Tanpa Kebenaran dan Arahan Pembayaran Palsu tidak dapat dipulihkan atau dipulihkan sepenuhnya, ia akan dianggap sebagai Kerugian Tidak Boleh Pulih.

27.5.4 Tiada hak caj balik disediakan bawah Skim ini dan tidak akan terpakai bagi Pembayaran menggunakan Kad Kredit dan Kad Debit.

27.5.5 Anda akan menanggung rugi HLB / HLISB terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami disebabkan sebarang tuntutan, permintaan atau tindakan yang dikenakan terhadap HLB / HLISB yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada tindakan cuai dan penipuan yang anda lakukan menurut Klausa 27 ini.

27.6 Pembayaran Berkumpulan

27.6.1 Tertakluk pada perjanjian HLB / HLISB, anda dibenarkan untuk membuat Pembayaran Berkumpulan jika:

(a) anda membuat Pembayaran Berkumpulan bagi pihak anda; atau
(b) Anda membuat Pembayaran Berkumpulan bagi pihak entiti anda yang berkaitan untuk menunaikan hutang entiti, atau hutang entiti tersebut kepada satu atau lebih Pembil.

27.6.2 Anda dibenarkan membuat Pembayaran Berkumpulan dengan mendebitkan CASA atau Kad Kredit anda yang dibuka dengan HLB / HLISB, mengikut pada kes.

27.6.3 Anda memberi jaminan kepada HLB / HLISB bahawa:

(a) Bayaran Berkumpulan tersebut dibuat atas akaun anda sendiri sebagai Pembayar, atau sebagai Pembayar dalam urusan biasa perniagaannya membuat beberapa pembayaran bagi pihak anda, atau bagi pihak entiti anda yang berkaitan untuk menunaikan hutang entiti, atau hutang entiti tersebut kepada satu atau lebih Pembil dan bukan untuk faedah orang lain; dan

(b) Pembayaran Berkumpulan tersebut dibuat bukan bertujuan menjalankan perniagaan membuat bayaran melalui Skim menggunakan kaedah Pembayaran Berkumpulan.

27.6.4 Semua peruntukan lain yang terkandung dalam Klausa 27 ini juga akan terpakai untuk Pembayaran Berkumpulan.

27.7 Pertanyaan Pembayaran

27.7.1 HLB / HLISB hendaklah dengan suci hati, cuba menyelesaikan semua pertanyaan atau pertikaian pembayaran yang timbul dengan anda berkaitan Perkhidmatan JomPAY secara baik melalui persetujuan bersama.

27.7.2 Sekiranya ada pertikaian atau konflik, anda berhak untuk mendapatkan bantuan melalui badan pengantaraan dan timbang tara industri seperti Ombudsman untuk Perkhidmatan Kewangan.

27.7.3 Anda juga berhak membuat aduan dengan Pengendali Skim jika terdapat dakwaan ketidakpatuhan HLB / HLISB terhadap Peraturan Skim JomPAY. Walau bagaimanapun, semakan semula Pengendali Skim terhadap aduan tersebut adalah terhad kepada:

(a) Penentuan sama ada terdapat ketidakpatuhan;
(b) Menyediakan penyelesaian untuk Peserta untuk membetulkan atau menangani ketidakpatuhan; dan
(c) Penentuan jika penalti boleh dikenakan terhadap ketidakpatuhan.

27.7.4 Semua keputusan yang diberikan oleh Pengendali Skim sebagai respons kepada aduan anda hendaklah mengikat HLB / HLISB.

27.8 Penggantungan

27.8.1 HLB / HLISB boleh menggantung hak anda menggunakan Skim pada bila-bila masa menurut Klausa 14 Terma dan Syarat ini.

27.9 Pembil Tidak Dapat Memproses Bayaran

27.9.1 Jika HLB / HLISB dimaklumkan bahawa pembayaran anda tidak dapat diproses oleh Pembil, HLB/HLISB akan:

(a) memaklumkan anda tentang perkara ini; dan
(b) mengkreditkan Akaun anda dengan amaun pembayaran.

27.10 Rekod Akaun

27.10.1 Anda perlu periksa Akaun anda dan segera melaporkan kepada HLB / HLISB sebaik sahaja menyedari sebarang kesilapan atau apa-apa bayaran yang anda tidak benarkan atau anda fikir telah dibuat oleh orang lain tanpa kebenaran anda.

27.11 Ketidakselarasan

27.11.1 Sekiranya terdapat ketidakselarasan antara Terma dan Syarat dan Klausa 27 ini, peruntukan Klausa 27 ini akan mengatasi sejauh mana ketidakselarasan itu.

28.0 DuitNow

28.1 Bagi hal-hal berkaitan NAD dan penggunaan perkhidmatan DuitNow, terma dan syarat berikut yang disiarkan melalui laman web kami hendaklah digunakan:

(a) Terma dan Syarat yang Mentadbir National Addressing Database yang terdapat di: https://www.hlb.com.my/en/personal-banking/hong-leong-connect/web/duitnow-tnc.html

(b) Terma dan Syarat DuitNow yang terdapat di: https://www.hlb.com.my/content/dam/hlb/my/images/HL_Connect/Connect/duitnow/hlb-duitnow-tnc-en.pdf